



Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (200601015674)

(Berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal oleh Bank Negara Malaysia)

Lembaran Pendedahan Produk

(Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum Anda membuat keputusan untuk membeli Polisi Insurans Skim Kemasukan Hospital dan Pembedahan Pekerja Asing (SKHPPA). Pastikan juga Anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am di dalam kontrak polisi ("Kontrak Polisi").

Disediakan untuk: _____ Tarikh Cetakan: _____

Penyedia Khidmat Kewangan	: Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad ("Allianz"/"Kami")
Nama Produk	: Skim Kemasukan Hospital dan Pembedahan Pekerja Asing (SKHPPA) ("Polisi")

1. Apakah produk ini?

Skim Kemasukan Hospital dan Pembedahan Pekerja Asing (SKHPPA) merupakan skim kemasukan hospital dan pembedahan untuk mengurangkan beban kewangan majikan sekiranya Pekerja Asing dimasukkan ke Hospital Kerajaan Malaysia Bukan Korporat disebabkan oleh kemalangan atau sakit.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Polisi ini meliputi:

No.	Faedad-faedah	Amount (RM)
1(a)	Bilik Hospital & Makanan Harian (Maksimum sehingga 30 hari)	
1(b)	Unit Rawatan Rapi (Maksimum sehingga 15 hari)	
2	Bekalan dan Khidmat Hospital	
3	Bilik Bedah	
4	Bayaran Pembedahan (Tidak merangkumi pemindahan organ)	
5	Bayaran Pakar Bius	
6	Lawatan Doktor dalam Hospital (Maksimum sehingga 30 hari)	
7	Lawatan Pakar Perubatan dalam Hospital (Maksimum sehingga 30 days)	
8	Bayaran Ambulans/Bayaran Laporan Perubatan	
Had Tahunan Keseluruhan Maksimum (Perkara 1 hingga 8)		20,000

Bayaran yang dikenakan mengikut bayaran yang selaras dengan Bilik dan Makanan Harian Kelas Ketiga (ke-3) sehingga maksimum RM160.00 sehari di Hospital Kerajaan Malaysia bukan Korporat mengikut Akta Fi 1951, Perintah Fi (Perubatan) 1982

Nota: Sila rujuk kepada keterangan penuh dan faedad dan skala faedad dalam kontrak polisi.

Tempoh perlindungan adalah untuk satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan anda setiap tahun.

3. Berapakah premium yang saya perlu bayar ?

	Amaun
Seorang Pekerja	RM105

4. Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?

Jenis	Amaun
Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada)	10% daripada premium
Duti Setem	RM10
Manage Care Organization Fi (MCO)	RM16.20

5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

(a) Kepentingan Pendedahan

• Kontrak Insurans Pengguna

Menurut Perenggan 5 Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya Anda memohon insurans ini sepenuhnya bagi **tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda**, Anda mempunyai kewajipan mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan

dalam borang cadangan dan/atau semua soalan-soalan yang dikehendaki oleh Allianz dengan penuh dan tepat dan mendedahkan apa-apa perkara lain yang Anda ketahui berkaitan dengan keputusan Kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

- **Kontrak Insurans Bukan Pengguna**

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya Anda memohon Insurans bagi **tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda**, Anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang Anda ketahui sebagai berkaitan dengan keputusan Kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

Kewajipan pendedahan ini bagi Kontrak Insurans Pengguna dan Bukan Pengguna akan berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui. Anda juga mempunyai kewajipan memaklumkan kepada Kami dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insurans dibuat, diubah atau diperbaharui dengan pihak Kami, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

- (b) Anda perlu memastikan bahawa butir-butir mengenai pekerja asing anda lengkap dan betul.
- (c) **Tunai sebelum perlindungan bermula** – Premium insurans yang perlu dibayar dan diterima oleh Allianz/ejen yang diberi kuasa dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh bermulanya polisi. Jika syarat ini tidak dipatuhi polisi ini akan terbatal secara automatik dan Allianz berhak mendapat sebahagian premium secara pro-rata selama tempoh risiko ditanggung.
- (d) **Kelayakan** – Orang-orang yang layak untuk insurans di bawah polisi ini adalah pekerja asing yang bekerja sepenuh masa yang berumur lapan belas (18) tahun hingga enam puluh (60) tahun yang terlibat secara aktif di tempat kerja pada tarikh untuk menyertai polisi ini.

6. **Apakah pengecualian utama di bawah Polisi ini?**

Polisi ini tidak melindungi sebarang kemasukan ke hospital, pembedahan atau bayaran yang disebabkan oleh mana-mana satu daripada kejadian berikut:

- (a) Pembedahan Plastik/Kosmetik
- (b) Rawatan pergiyan atau pembedahan oral
- (c) Rawatan atau operasi pembedahan untuk keabnormalan atau kecacatan kongenital
- (d) Mengandung atau keguguran
- (e) Rawatan yang tidak perlu dari segi perubatan
- (f) Bunuh diri atau mencederakan diri sendiri yang disengajakan ketika siuman atau tidak siuman
- (g) Kecederaan atau penyakit yang timbul daripada perlumbaan atau sukan merbahaya
- (h) Penyakit kardiovaskular dan semua jenis kanser yang wujud dalam tempoh satu ratus dua puluh (120) hari pertama Insurans bagi Orang Yang Diinsuranskan
- (i) Keadaan sedia ada kecuali sekiranya Orang Yang Diinsuranskan telah lulus pemeriksaan perubatan serta telah disahkan oleh Fomema Sdn Bhd (FOMEMA) dalam masa tiga puluh (30) hari ketibaan orang yang diinsuranskan ke Malaysia

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk pada Kontrak Polisi bagi senarai penuh pengecualian di dalam Polisi ini.

7. **Bolehkah saya batalkan Polisi ini?**

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada syarikat insurans. Setelah pembatalan, anda layak menerima pulangan bayaran premium berdasarkan skala pro-rata mengikut bilangan hari asalkan anda belum membuat sebarang tuntutan di bawah polisi ini. Walau bagaimanapun, pembatalan polisi boleh di buat berdasarkan alasan-alasan berikut:

- (a) Pekerja yang gagal ujian FOMEMA
- (b) Pekerja pulang ke negara asal
- (c) Kematian
- (d) Pekerja yang tidak datang ke Malaysia
- (e) Pekerja yang telah membeli perlindungan insurans dengan syarikat insurans lain
- (f) Pekerja yang telah dibatalkan Visa Perjalanan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)
- (g) Pekerja yang telah ditolak oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) untuk pembaharuan PLKS/ Permit kerja

8. **Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?**

Adalah penting untuk Anda memaklumkan kepada pihak Kami tentang sebarang perubahan dalam alamat dan butiran peribadi Anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyerat sampai kepada Anda tepat pada masanya. Anda boleh memberitahu kepada ejen berdaftar, cawangan atau khidmat pelanggan Kami.



Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (200601015674)

(Berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal oleh Bank Negara Malaysia)

9. Bagaimakah cara untuk saya membuat tuntutan?

Anda boleh melawati allianz.com.my untuk maklumat lebih lanjut. Anda dinasihatkan untuk menghantar tuntutan Anda (jika ada) kepada Kami secepat mungkin.

10. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat dengan lebih terperinci?

Sekiranya Anda memerlukan maklumat tambahan mengenai produk ini, sila rujuk laman web Kami di allianz.com.my.

Untuk sebarang pertanyaan, hubungi Kami di:

Pusat Khidmat Pelanggan Allianz

Allianz Arena

Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral

Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral

50470 Kuala Lumpur.

Pusat Hubungan Pelanggan Allianz: 1 300 22 5542

Emel: customer.service@allianz.com.my

AllianzMalaysia

allianz.com.my

11. Lain-lain jenis perlindungan Kemalangan Diri yang boleh didapati:

- (a) Jaminan Insurans Pekerja Asing (FWIG)
- (b) Pekerja Asing – Perlindungan Tambahan (FWPLUS)
- (c) Skim Insurans Pembantu Rumah Asing (DSIS)

Nota Penting:

Anda perlu membaca dan memahami polisi insurans ini dan berbincang dengan ejen atau hubungi syarikat insurans untuk maklumat lanjut.

Manfaat-manfaat yang dibayardibawah produkyang layak adalah dilindungioleh PIDM sehingga hadperlindungan.Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad atau PIDM ([la yari \[www.pidm.gov.my\]\(http://www.pidm.gov.my\)](http://www.pidm.gov.my)).

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah bermula 01/06/2024.